

Rakyat gemar tiru perniagaan orang lain ditegur

UM 29 JUN 2001

KUALA LUMPUR 28 Jun — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menegur sikap kebanyakan rakyat kerana gemar meniru perniagaan orang lain yang dilihat mendapat sambutan tanpa mahu meneroka bidang-bidang niaga baru.

Perdana Menteri menegaskan, Malaysia mahu melihat lebih banyak perniagaan baru diwujudkan terutama yang berasaskan teknologi maklumat (IT) bagi menjana pertumbuhan ekonomi negara khususnya dalam era maklumat.

"Malangnya rakyat Malaysia tidak begitu kaya dengan idea. Malahan lebih cenderung meniru orang lain sehingga kalau hari ini ada satu gerai nasi lemak, esok akan timbul beberapa gerai lagi di tempat yang sama," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis penyampaian anugerah

Pertandingan Merancang Perniagaan, Venture 2001, di Hotel Istana, di sini.

Menurut Perdana Menteri, Malaysia sangat berminat untuk mengeksploitasi teknologi baru, malah kerajaan membelanjakan sejumlah wang yang banyak untuk menyediakan kemudahan berkaitan.

Antaranya ialah penubuhan pusat inkubator bagi syarikat-syarikat baru dan Universiti Multimedia serta pelbagai institusi latihan yang bertujuan menyediakan negara dengan tenaga kerja berkemahiran untuk menghadapi era IT.

Tambah Dr. Mahathir: "Negara kita memberi tumpuan kepada generasi muda yang mampu menguasai IT kerana mereka diharapkan dapat mengeluarkan idea-idea baru yang berdaya saing."

Dengan itu, beliau percaya Malaysia akan dilengkapkan dengan segala keper-

luan untuk menghadapi status negara maju pada tahun 2020.

Sementara itu, prinsipal firma perunding pengurusan, McKinsey & Company Malaysia, Dr. Nikolai Dobberstein berkata, pertandingan Venture 2001 menunjukkan terdapat aspirasi kuat di kalangan usahawan muda negara ini.

Katanya, sebanyak 450 pasukan melibatkan 1,700 individu menyertai pertandingan tersebut.

Pasukan-pasukan berkenaan telah mengemukakan rancangan perniagaan masing-masing yang merangkumi portal berita, teknologi komputer pelayan baru, rumusan pengurusan perhubungan pelanggan, pendidikan kanak-kanak dalam talian, sistem pemprosesan insurans dan perundingan dalam talian untuk dinilai.